

05 SEP 1998

Komanwel-Raptai

LEBIH 80,000 ORANG DIJANGKA SAKSI RAPTAI ACARA PEMBUKAAN ESOK

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Lebih 80,000 orang dan 20,000 kenderaan dijangka berada di perkarangan Kompleks Sukan Negara Bukit Jalil esok bagi menyaksikan raptai acara pembukaan Sukan Komanwel ke-16.

Timbalan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam SAC II Dell Akhbar Khan berkata raptai itu akan diadakan di Stadium Nasional pada 5 petang da berakhir kira-kira pukul 11 malam.

"Kita menjangkakan kesesakan jalan raya esok kerana pada yang sama adanya perlumbaan kuda di Kelab Kuda Selangor. Saya ingin menasihatkan orang ramai supaya datang awal untuk menyaksikan raptai ini," katanya pada sidang beritak di Bilik Kawalan Trafik Sukan Komanwel, di sini, hari ini.

Selain itu, satu lagi raptai akan diadakan pada 9 Sept di Stadium Nasional. Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan menyaksikannya.

Dell Akhbar berkata beberapa jalan di sekitar Bukit Jalil akan dijadikan jalan sehalu dan beberapa simpang baru diwujudkan untuk memudahkan laluan keluar masuk kenderaan.

Menurutnya hanya kenderaan berpelekat khas dibenarkan masuk ke dalam perkarangan kompleks dan pemilik kenderaan tanpa pelekat khas diminta meletakkan kenderaan mereka di tempat meletak kereta Taman Teknologi Malaysia di belakang bangunan Astro.

Tempat meletak kereta itu boleh memuatkan 10,000 kenderaan pelbagai jenis dan menyediakan 4,000 petak untuk motosikal.

Dell berkata jika keadaan memaksa, tempat meletak kereta di Kelab Kuda Selangor akan digunakan.

Beliau juga menasihatkan orang ramai supaya menggunakan pengangkutan awam seperti Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) Star dan Putra, yang perkhidmatan hariannya berakhir pada pukul 1 pagi.

Penumpang LRT-Putra boleh berhenti di Pasar Seni dan menaiki pula LRT-Star di Masjid Jamek untuk sampai ke Bukit Jalil.

Kenderaan dari pusat bandar boleh memasuki kawasan tempat meletak kereta yang disediakan menerusi Hotel Mint, katanya.

Dell berkata raptai esok hanya dibuka untuk orang ramai telah mempunyai tiket atau pas khas.

Menurutnya seramai 200 anggota polis trafik beruniform akan mengawal lalu lintas di sekitar kawasan kompleks.

Selain itu, anggota-anggota polis juga yang ditempatkan di serata ibukota dan perkarangan Kompleks Sukan Negara, katanya.

Beliau berkata untuk kemudahan wartawan, polis di Balai Polis Trafik Jalan Bandar akan mengeluarkan kenyataan terbaru mengenai lalu lintas pada pukul 10 pagi setiap hari sepanjang temasya sukan itu.

Maklumat perjalanan trafik boleh diketahui dengan menghubungi Pusat Gerakan Trafik Sukan Komanwel di talian 03-2329044.

Dell juga mengingatkan orang ramai supaya tidak menimbulkan kekecohan pada raptai esok dan 9 Sept ini serta sepanjang temasya Sukan Komanwel.

"Saya ingin mengulangi peringatan Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor bahawa pihak polis tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka yang menimbulkan kekecohan," katanya.

-- BERNAMA

SLR NAK